



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**JABATAN PENDAFTAR**

Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000  
Faks : +6088-320243 / 320047  
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj. Kami : UMS/PEND2.1/100-1/7/2 Jilid 4 (14)

Tarikh : 19 Mei 2016

**SEMUA KETUA JABATAN**  
*(Senarai edaran seperti di lampirkan)*

**Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan;**

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 5 TAHUN 2016: PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN 1437H DAN PELEPASAN BEKERJA SEPARUH HARI DARIPADA SATU HARI SEBELUM PERAYAAN HARI RAYA ADILFITRI BAGI KAKITANGAN BERAGAMA ISLAM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2016 yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk maklumat dan tindakan lanjut pihak Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

3. Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/F/P/I/U/B masing-masing. Pekeliling tersebut boleh dicapai melalui laman web Jabatan Pendaftar (<http://www.ums.edu.my/pendaftar/>).

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

**TALIB ABDULLAH SHANI**  
Ketua  
Bahagian Pentadbiran & Governan  
Jabatan Pendaftar  
b.p. Pendaftar

- s.k.:
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar

BERTEKAD CEMERLANG



Certified to ISO9001 : 2008  
Cert. No: AR 3088

[www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my)

**SENARAI EDARAN**

1. Pemangku Bendahari, Jabatan Bendahari
2. Ketua Pustakawan, Perpustakaan
3. Pengarah UMS-Kampus Antarabangsa Labuan
4. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
5. Pemangku Dekan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
6. Dekan Fakulti Sains Dan Sumber Alam
7. Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan
8. Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan
9. Dekan Fakulti Kejuruteraan
10. Dekan Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
11. Dekan Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan
12. Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
13. Dekan Fakulti Komputeraan Dan Informatik
14. Dekan Fakulti Pertanian Lestari
15. Dekan Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa
16. Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
17. Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo
18. Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi
19. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
20. Pengarah Pusat Pengurusan Strategik & Akademik
21. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum & Pemajuan Pelajar
22. Pengarah Pusat Jaringan Industri & Komuniti
23. Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
24. Pengarah Pusat Perakaunan UMS
25. Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
26. Pengarah Pusat Kajian Strategik & Keselamatan Sabah
27. Pengarah Pusat Rawatan Warga
28. Pengarah Pusat Pengurusan *EcoCampus*
29. Pengarah Penerbit UMS
30. Pengarah Pusat Luar UMS
31. Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
32. Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
33. Pengarah Pusat Sukan
34. Pengarah Pusat Islam UMS
35. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan
36. Pengarah Pusat Alumni
37. Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
38. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
39. Ketua Unit Kajian Spesis Marin Terancam
40. Ketua Unit Kajian Bahan Dan Mineral
41. Ketua Unit Penyelidikan Tenaga
42. Ketua Unit Kajian Alga Bahaya
43. Ketua Unit Penyelidikan Rumpai Laut
44. Ketua Unit Penyelidikan Psikologi & Kesihatan Sosial
45. Ketua Unit Penyelidikan Tuberculosis
46. Ketua Unit Kajian Orkid
47. Ketua Unit Penyelidikan Ethnografi Dan Pembangunan
48. Ketua Unit Kecerdikan Buatan
49. Ketua Unit Warisan Penyelidikan Borneo
50. Ketua Unit Penyelidikan Perubatan Desa
51. Ketua Unit Kajian Bencana Alam
52. Ketua Unit Penyelidikan Air
53. Ketua Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari
54. Ketua Unit Keselamatan Dan Kualiti Makanan
55. Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar
56. Ketua Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA
57. Ketua Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
58. Ketua Unit Kajian Remote Sensing & Gis
59. Ketua Bahagian Perhubungan Korporat
60. Ketua Bahagian Sumber Manusia
61. Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
62. Ketua Bahagian Perundangan & Integriti
63. Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat
64. Ketua Bahagian Keselamatan
65. Ketua Bahagian Audit Dalam



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : Mei 2016

Bil. 5/2016

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

### **PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN 1437H DAN PELEPASAN BEKERJA SEPARUH HARI PADA SATU HARI SEBELUM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI BAGI KAKITANGAN BERAGAMA ISLAM**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan 1437H dan pelepasan bekerja separuh hari pada satu hari sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang beragama Islam.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBP) Bil. 5/2016 Kali Ke-199** yang bersidang pada **13 Mei 2016** telah meluluskan pelaksanaan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan 1437H bagi kakitangan yang beragama Islam sejajar dengan maksud untuk membolehkan kakitangan yang tinggal jauh dari kampus dan mempunyai masalah untuk sampai di rumah sebelum/ pada waktu berbuka puasa tertakluk kepada syarat-syarat berikut dipatuhi; iaitu:

- (a) Kakitangan berkenaan dikehendaki menggantikan kekurangan waktu bekerja 45 minit pada waktu rehat tengah hari;
- (b) Rumah kakitangan berkenaan (terutama kakitangan wanita yang beragama Islam) yang terletak melebihi 10 km dari kampus dan mempunyai masalah untuk sampai ke rumah sebelum waktu berbuka puasa; dan
- (c) Kakitangan berkenaan telah mendapat kebenaran daripada Dekan/Ketua Jabatan masing-masing.

#### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Pelaksanaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan 1437H adalah bagi meminda waktu bekerja bagi kakitangan yang beragama Islam yang sedia ada.
- 3.2 Dengan terlaksananya pekeling ini, maka Waktu Bekerja Pejabat bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang beragama Islam adalah seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Waktu Bekerja Pada Bulan Ramadhan Bagi Kakitangan Beragama Islam Di UMS Bagi Tahun 2016 / 1437 H**

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja (mula)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (tamat)
WP1	Isnin – Khamis	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.15 ptg	1.15 ptg – 3.45 ptg
	Jumaat	7.30 pg – 12.00 pg	12.00 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 3.45 ptg
WP2	Isnin – Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.15 ptg	1.15 ptg – 4.15 ptg
	Jumaat	8.00 pg – 12.00 pg	12.00 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 4.15 ptg
WP3	Isnin – Khamis	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 1.15 ptg	1.15 ptg – 4.45 ptg
	Jumaat	8.30 pg – 12.00 pg	12.00 pg – 1.45 ptg	1.45 ptg – 4.45 ptg

- 3.3 Pelaksanaan pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan 1437H ini **hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat.** Bagi pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan akan menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan masing-masing.
- 3.4 Sebagai persediaan menyambut perayaan, semua kakitangan beragama Islam diberi **pelepasan bekerja separuh hari** pada sehari sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri. Oleh yang demikian, waktu bekerja pada hari tersebut akan berakhir pada jam 2.00 petang.

#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA


- 4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa mulai **dari tarikh ibadah puasa bermula sehingga tamat.**

**"SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA 1437H"**

Sekian, Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,

  
**NO'MAN HJ. AHMAD**  
Pendaftar

Tarikh : 18 Mei 2016

- s.k.  Naib Canselor  
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
 Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)  
 Fail